

09 MAR 2001

Mahathir-Giliran

KEPENTINGAN RAKYAT DAN PEMBANGUNAN SABAH TENTUKAN SISTEM PENGILIRAN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kepentingan rakyat Sabah dan pembangunan negeri itu akan menjadi kriteria dalam pertimbangan sama ada sistem penggiliran ketua menteri Sabah akan diteruskan atau sebaliknya.

Perdana Menteri juga berkata selain itu kepentingan Barisan Nasional dan parti-parti komponen BN akan turut diambil kira.

Menurutnya beliau masih menunggu laporan bertulis sepenuhnya daripada ketua-ketua parti komponen BN di Sabah mengenai perkara itu.

"Saya akan membuat keputusan (tentang sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah) secepat mungkin," kata Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, bagaimanapun tidak memberi kepastian sama ada keputusan berhubung perkara itu akan dibuat sebelum berakhirnya tempoh jawatan Ketua Menteri Sabah sekarang, Datuk Osu Sukam.

"Dia angkat sumpah (jawatan Ketua Menteri) bukan dihadkan kepada dua tahun, kalau lebih sikitpun tak ada masalah," katanya.

Penggal dua tahun Osu, berdasarkan sistem penggiliran itu tamat pada 18 Mac ini.

Perdana Menteri yang telah bertemu dengan semua ketua parti komponen BN dari Sabah telah meminta mereka menghantar laporan bertulis mengenai pandangan mereka berhubung sistem penggiliran ketua menteri itu.

Kesemua mereka telah menyerahkan mandat kepada beliau untuk memutuskan mengenai sistem penggiliran itu.

Parti komponen BN di Sabah ialah Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Angkatan Keadilan Rakyat Sabah (Akar) dan Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP).

Pada pertengahan bulan lepas, Dr Mahathir ketika diminta memberi pandangan mengenai sistem penggiliran itu berkata, satu daripada kelemahan sistem itu ialah ia cenderung menimbulkan ketua-ketua menteri yang tidak berkesan, "itik tempang" (lame duck).

Katanya, menukar ketua menteri setiap dua tahun, sebagaimana yang diamalkan sekarang, boleh menimbulkan kerajaan negeri yang tidak berkesan.

-- BERNAMA

AFY MS HS RI